

Headline	Tiada niat lawan Tengku Amir		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	69,985
Page No	76,80	Readership	209,955
Language	Malay	ArticleSize	502 cm ²
Journalist	Syafiq Aznan	AdValue	RM 17,238
Frequency	Daily	PR Value	RM 51,714



KEMELUT FAS

Nasir tak berniat menentang Tengku Amir **Ms.76**

[FOTO SUPIAN AHMAD/BH]



Tengku Amir Shah bersama pasukan SK Seri Selangor yang menjuarai Piala Raja Muda Selangor di Padang SUK, Shah Alam, petang semalam.

KEMELUT PERSATUAN BOLASEPAK SELANGOR

Tiada niat lawan Tengku Amir

➔ Nasir turut akui tidak pasti berhak jadi Timbalan Presiden FAS

Oleh Syafiq Aznan
syafiq.aznan@nstp.com.my

▀ Shah Alam

“**S**aya pun tidak tahu berhak atau tidak untuk memegang jawatan ini,” kata “Timbalan Presiden’ Persatuan Bolasepak Selangor (FAS), Datuk Muhammad Nasir Hamzah.

Justeru, beliau yang juga bekas Naib Presiden Persatuan Bolasepak Kelantan (KAFA) itu menyerahkan nasibnya di

tangan Pesuruhjaya Sukan, Datuk Zaiton Othman untuk membuat keputusan mengenai barisan mana yang akan kekal menerajui badan induk itu.

Katanya, beliau langsung tidak berniat menentang Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah kerana tampil untuk membantu persatuan dan pasukan The Red Giants agar kembali digeruni.

“Kalau boleh, saya mahu membantu FAS dan kebetulan kumpulan itu (Geng 52) menjemput saya dan difahamkan mereka berhak untuk menuntut Kongres Luar Biasa (EGM) tetapi saya tidak tahu secara teknikalnya.

“Apapun, lebih baik jika kita serahkan kepada Pesuruhjaya Sukan. Selepas itu barulah kita fikirkan langkah seterusnya.

“Pendirian saya jelas bahawa sekiranya keputusan Pesuruhjaya Sukan tidak berpihak kepada kami, saya secara ‘gentleman’ rela hati melepaskan

jawatan mengikut undang-undang yang ditetapkan,” katanya ketika ditemui pada perlawanan akhir Piala Raja Muda Selangor di Padang Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), di sini, petang semalam.

Dalam perlawanan itu, Sekolah Kebangsaan (SK) Seri Selangor selepas muncul juara selepas menewaskan SK Petaling Jaya 2-1. Kejayaan itu membolehkan sekolah berkenaan membawa pulang wang kemenangan RM4,000 selain piala kejohanan, pingat dan sijil yang disampaikan oleh Tengku Amir Shah.

Boleh menyumbang

Mengulas lanjut, Nasir juga menegaskan beliau tidak diperalatkan oleh mana-mana pihak ketika dicalonkan untuk memegang jawatan nombor dua dalam badan induk itu.

“Susah untuk saya katakan mengenai hal ini. Mereka datang kepada saya dan menjelaskan bahawa ia boleh dilakukan, jadi

saya tiada masalah kerana saya boleh menyumbang.

“Bagi saya, kita lupakan sahaja hal itu. Kalau boleh saya memang mahu membantu pasukan ini tanpa jawatan pun tidak mengapa,” katanya.

Nasir menjadi Timbalan Presiden FAS yang baharu selepas dipilih sebulat suara oleh 52 ahli gabungan pada EGM ‘haram’ di sebuah hotel di Seri Kemangan, 8 November lalu.

Bagaimanapun, Tengku Amir Shah tidak mengiktiraf keputusan EGM terbabit dan pemilihannya sebagai Presiden FAS oleh kumpulan yang menghadiri ‘perjumpaan’ berkenaan juga dilakukan tanpa persetujuan beliau.

Kelmarin, Zaiton mengesahkan beliau sudahpun menerima dokumen lengkap berhubung EGM yang dilangsungkan oleh Geng 52 dan meminta tempoh dua minggu untuk menyelesaikan kemelut dalam FAS itu.

Headline	Keen but no willing takers		
MediaTitle	The Star		
Date	16 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	13TO15	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	2221 cm ²
Journalist	BRENDA CH'NG	AdValue	RM 118,481
Frequency	Daily	PR Value	RM 355,443



One more box to tick

Klang is not ready for city status as it needs to have a university in the municipality to fulfil requirements set by the Housing and Local Government Ministry. > 2&3



Headline	Keen but no willing takers		
MediaTitle	The Star		
Date	16 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	13TO15	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	2221 cm ²
Journalist	BRENDA CH'NG	AdValue	RM 118,481
Frequency	Daily	PR Value	RM 355,443



An LRT station at Hospital Tengku Ampuan Rahimah will be available to people in the future as its construction is ongoing along Jalan Langat. — Photos: FAIHAN GHANI/The Star

Keen but no willing takers

Klang council has identified Pulau Indah or Bukit Raja as areas suitable for a university but developers show no interest to undertake project

By BRENDA CH'NG
brenda@thestar.com.my

THE absence of a university in Klang is hindering Selangor's royal town towards achieving city status.

Klang Municipal Council (MPK), which has gradually ticked off the boxes required for city status as per the Housing and Local Government Ministry's (KPKT) regulations, is falling short of this one requirement.

"We have fulfilled all other requirements like earning the required revenue, population ratio and so on, except for having a university here," said MPK president Datuk Mohamad Yasid Bidin.

The council's total revenue as of September is RM238,958,127 while its population stands at 900,000.

MPK, he said, was keen for a university to be built in Klang but has not received any application from developers for the purpose.

"We have been actively lobbying for a university to be built in Klang and have voiced our interest to a few developers but have not received positive response," he said, adding that anyone who wished to build a university in Klang would be given priority by MPK in terms of the application and paperwork.

Mohamad Yasid said Pulau Indah or the new Bukit Raja neighbourhood were areas identified as suitable to construct a university.

He added that both these areas had land big enough to build a university and MPK would help rezone the land for a university, if the need arises.

Selangor Local Government, Public Transport and New Village Development Committee chairman Ng Sze Han said Klang was ready to be accorded city status.

"I believe that MPK has already qualified as it has met the criteria



The ongoing LRT construction along Jalan Langat will benefit Klang's residents as it will improve the overall infrastructure in the municipality.

with its population count and revenue as well as public facilities and amenities like its parks," he said, adding that it only lacked a university.

Based on the ministry's regulations, there are five requirements to be fulfilled before a municipality can rise to city status.

These are population size, yearly income, an on a par with service delivery system, ability for new growth and capability to provide urban services, infrastructure facilities and public utilities.

The regulations also state that despite the given criteria, any local government can apply to the ministry for special consideration through the state government if it

has fulfilled most of the requirements.

In such instance, the state would have to be ready to cover any insufficient revenue or any other aspects lacking at the respective local government.

"I believe even Subang Jaya is qualified for city status just like Klang, but unfortunately no application was submitted by both the municipal councils," said Ng.

He said only two district councils submitted applications to be upgraded to a municipality.

These were the Kuala Selangor District Council (MDKS) and Kuala Langat District Council (MDKL).

Both filed their applications a few months ago and are still under

KPKT's review.

"Apart from these district councils, there are others which I believe that qualify for municipality status," he said, adding that the state government was supportive of local authorities seeking higher status.


He also explained that there were pros and cons to an upgrade in status.

A higher level required more revenue as the staff would automatically be promoted to a grade befitting the status.

In addition, assessment rates would increase in line with the higher property prices when accorded city status.

Expectations with regards to service delivery would also be higher,

Headline	Keen but no willing takers		
MediaTitle	The Star		
Date	16 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	13TO15	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	2221 cm ²
Journalist	BRENDA CH'NG	AdValue	RM 118,481
Frequency	Daily	PR Value	RM 355,443



Jalan Tengku Kelana, also known as Klang's Little India, is rich in history and culture.



Old shophouses are a common feature in most parts of Klang's town centre.



Klang KTM station located in one of the older parts of Klang is a popular spot here. This building is also in need of upgrading.



Old traders are still trading at these pre-war shophouses along Jalan Taiping, Klang.



Old shophouses along Jalan Meru being demolished to make way for the LRT construction to better serve the community.

such as providing better service and ensuring public facilities and amenities were in good condition, he added.

"This includes basic infrastructure like roads, drainage and landscape to project the status given," he said.

For MPK to get city status, its population has to be more than 500,000, yearly revenue of no less than RM100mil and is able to balance its expenses.

The council has achieved these requirements.

MPK must also be able to provide higher service level with regards to revenue collection, development and enforcement with capable staff to carry out their duties efficiently.

A sustainable development plan is also key for city status.

As such, MPK has to focus on getting rid of illegal factories, prioritising safety, have housing for the less fortunate as well as protect green spaces.

The regulations also state that areas of historical and cultural value in Klang must be preserved and protected.

A city must also be barrier free for the disabled as well as equipped with an educational hub complete with a college, university, muzium and public library.

Currently, a few townships are still being developed along with the LRT which will improve the public transport infrastructure in Klang.

Klang residents are also keen to live in a city.

"I think it is about time Klang received city status as it should have been given long ago," said resident Mohamed Hussain Mohd Maideen.

He added that the royal town has a lot to offer in terms of diversity, logistics and even history.

"Port Klang is one of the busiest ports in the world and Klang has existed longer than Petaling Jaya, Shah Alam and Subang Jaya," he

said, adding that it was also one of the top five biggest towns in the country.

He hoped MPK officers would improve on their services should Klang become a city.

Issues brought up by residents need to be tackled speedily.

Mohamed Hussain mentioned flooding, which had to be resolved immediately by upgrading existing drainage and ensuring routine maintenance.

Resident Caleb Khoo welcomed the city status for Klang as it would bring better improvements and services for the people.

"The problem we have with MPK now is management and execution of things.

"It is always the same excuse, with MPK saying there is insufficient budget to get things done. Having city status will require more budget to do more things," said Khoo, adding that officers' mentality in dealing with issues had



Pasar Besar Klang along Jalan Meru is in dire need of refurbishment.

to improve.

He compared Shah Alam to Petaling Jaya.

"In Shah Alam, there are still pot-holes everywhere and not much improvement or development despite it being a city unlike Petaling Jaya which is better managed in comparison," added Khoo.

Resident Yang Yong Seng thinks Klang deserves the upgrade but was

skeptical if it could live up to its name as the overall service and landscape was still poor.

"Many areas in Klang are poorly maintained despite being the royal town.

"The roads are riddled with pot-holes, people litter everywhere, drains are clogged and most infrastructure are not well maintained," he said.

Headline	Contractor to fix road, houses damaged by pipe installation		
MediaTitle	The Star		
Date	16 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	16	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	265 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 14,191
Frequency	Daily	PR Value	RM 42,573



Contractor to fix road, houses damaged by pipe installation



Hee and Lim (second and third from left) discussing issues of the project with various affected parties.

A MAIN road and several houses in Bandar Mahkota Cheras damaged by ongoing works for the Langat 2 water treatment plant and distribution facility (LRAL2) will be repaired, next month.

The affected road is Persiaran Mahkota Cheras 1 in Cheras, while 12 houses suffered cracks due to construction work attributed to the project, specifically the package to instal main water pipes from the Bukit Enggang balancing reservoir to Sungai Besi Expressway.

"We have been getting complaints from residents about the terrible road condition, which is uneven and filled with potholes.

"The problem is made worse by heavy lorries using the road to get to a quarry located in the area," said Kajang assemblyman Hee Loy Sian.

Hee said after a discussion with the project contractor, the road would be repaired and resurfaced by the end of December, just before the new school term starts. This will also include all the houses. "It is the contractor's responsibility to repair damage to houses and roads affected by the project. They have acknowledged their responsibility," Hee said after a site visit outside SRJK (T) Bandar Mahkota Cheras with representatives from LRAL2's contractor, Pengurusan Aset Air Bhd (PAAB), Public Works Department (JKR), Kajang Municipal Council (MPKJ) and quarry operator.

MPKJ councillor Lim Kim Eng said about five housing areas and one school were affected by the road disruption, with about 3,000 vehicles using the affected stretch daily.

"Residents complained about the issue for almost three years since the project started in early 2016.

"There is also traffic congestion along the stretch in front of the school, as the two-lane road has been reduced to one-lane on each side," said Lim.

Hee, who is also Selangor Environment, Green Technology and Consumer Affairs Committee chairman, said only 8km of the entire 13km-long pipe-laying works fell under MPKJ's jurisdiction.

"Work on the project began in March 2016 and was originally scheduled for completion in February 2019. However, the completion date has been extended to November next year," he said, adding that the LRAL2 project was 36.5% completed to date.

Headline	Neighbourhood markets play a role in connecting community		
MediaTitle	The Star		
Date	16 Nov 2018	Color	Black/white
Section	Metro	Circulation	201,943
Page No	18	Readership	605,829
Language	English	ArticleSize	248 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,309
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,927



Neighbourhood markets play a role in connecting community

I WAS disturbed to hear from traders in my local Alam Jaya market in Cheras, which is under the Kajang Municipal Council's (MPK) purview, of plans to centralise three outdoor markets in our area.

I fail to understand how this can benefit either the stall holders or customers.

Due to the increased distances involved in travelling to a centralised location, there is likely to be a drop in the number of buyers, and clearly small stalls may go out of business.

This is with regards to those without transport as well as the oversupply of stalls selling the same produce.

In my 35 years in Malaysia, I prefer shopping at local markets,

as do many my neighbours, especially those working at home and the elderly.

From my observation and interaction with locals over the years, it is clear that good local outdoor markets provide critical economic, social, physical and psychological benefits to the community.

There are at least four ways in which local markets are essential in urban communities:

- Critical economic safety net: Enables local residents, especially the B40 home workers and elderly, to both sell and buy produce within walking distance of their homes, thus supporting a local circular economy.

I observe that many of the smallest/poorest stallholders depend on

their income of selling *nasi lemak* or *petai*, eggs, a few vegetables and in turn support and buy from others in the local economy.

- Supports local producers who are too small to compete with the cheap mass produced agribusiness produce.

Purchasing local fruit and vegetables at outdoor markets supports local growers, and enables them to keep operating and providing consumers an alternative to mass-produced foods.

- Reduces carbon dioxide emissions: Local producers and local customers mean that there is a reduction in the distance travelled by vehicle hence reducing the use of fossil fuels.

Local markets also operate in the

open air and reduce carbon dioxide emissions by having no need for air-conditioning such as in supermarkets.

- Physical, mental and social well being: With statistics on obesity, diabetes, heart disease and mental health issues in Malaysia spiralling higher, there is an urgent need for the benefits that physical exercise and socialising are proven to give.

A truly local market offers an important destination for a morning walk, whether for senior citizens (living alone who may otherwise have no contact with anyone all day) or on weekends for people of all ages.

At markets, customers get to know stallholders, discuss the pro-

duce source, discover the healthiest/best produce and develop vital social relationships.

Besides, where else can we meet such a wide range of people from farmer to physicist, carpenter to cancer survivor and make friends over an affordable cup of tea – all proven to be essential for social cohesion and mental well-being?

In short, local markets provide a much needed community service!

Cut off this lifeline with a centralised market and the local community is set to lose, with the economically marginalised driven further into poverty, ill health and depression.

ANNE MUNRO KUA
Kuala Lumpur

Headline	LONJAK STATUS PETALING JAYA		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	16 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Santai	Circulation	112,705
Page No	65	Readership	338,115
Language	Malay	ArticleSize	455 cm ²
Journalist	Nor 'asyikin Mat Hayin	AdValue	RM 17,924
Frequency	Daily	PR Value	RM 53,773



LONJAK STATUS PETALING JAYA

5 Monumen Bandaraya Persahabatan dibina di Sister Cities Square

Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Pembinaan lima Monumen Bandaraya Persahabatan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) di Sister Cities Square, Petaling Jaya, Selangor menambahkan lagi ciri-ciri kota seni yang sekali gus melonjakkan status bandar raya berkenaan antara destinasi pelancongan antarabangsa di negara ini.

Kewujudannya diilhamkan menerusi hubungan persahabatan yang terjalin di antara MBPJ dengan bandar raya Asan dan Seongbuk-Go, Korea Selatan; Kota Bandung, Indonesia; Bandaraya Miyoshi, Saitama, Jepun dan Bandaraya Qingyuan, China sejak 2016.

Uniknya, setiap monumen berkenaan menonjolkan ciri dan identiti bagi sesebuah bandar raya terbabit. Monumen Bandaraya Miyoshi Saitama contohnya menentang imej Gunung Fuji bagi memudahkan pelancong mengenal pasti identiti negara berkenaan.

Datuk Bandar MBPJ Datuk Mohd Azizi Mohd



Sister Cities Square begitu terkenal di luar negara seperti Korea Selatan dan Jepun tetapi yang pertama dibina di negara ini

MOHD AZIZI



DARI kiri, Hayashi, Mohd Azizi, Lee Sengro dan Husin Rahadian di hadapan Sister Cities Square.

Zain berkata, pihaknya berharap pelancongan tempatan dan antarabangsa menjadikan Sister Cities Square sebagai lokasi pilihan untuk mereka kunjungi serta merakam gambar.

"Sister Cities Square begitu terkenal di luar negara seperti Korea Selatan dan Jepun tetapi yang pertama dibina di negara ini."

"Kami terlebih dahulu meminta pandangan daripada wakil bandar persahabatan ini berkenaan ciri yang mahu mereka tonjolkan pada monumen ini," katanya.

Dalam pada itu katanya, pihaknya mengambil

kesempatan merasmikan monumen berkenaan sempena Festival Petaling Jaya 2018 yang bertemakan Folklore Antarabangsa dan berlangsung minggu lalu.

"Datuk Bandar Miyoshi, Jepun Hayashi Iso, Datuk Bandar Seongbuk-Gu, Korea Selatan Lee Seongro dan wakil Kota Bandung Husin Rahadian Hassan turut hadir pada perasmian terbabit di samping melihat monumen berkenaan," katanya.

Jelasnya, pembinaan bandar persahabatan itu juga kerana MBPJ sudah mempelajari banyak amalan terbaik daripada negara terbabit.

"Amalan terbaik ini ialah menguruskan bandar raya Petaling Jaya seperti Jepun dan Korea Selatan daripada aspek kebersihan tetapi kaedah serta teknologi digunakan negara berkenaan lebih maju.

"Sekiranya pergi ke Korea Selatan dan Jepun, sukar kita temui tong sampah di tengah bandar kerana rakyatnya dididik menyimpan sampah dalam beg sebelum membuangnya di rumah masing-masing.

"Budaya ini perlu diterapkan kepada masyarakat bermula peringkat kanak-kanak lagi dan kita sedang berusaha ke arah itu," katanya.

Headline	Tong bahan kimia: MPSJ arah pemilik bersih kawasan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	20	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	215 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,667
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,001



Tong bahan kimia: MPSJ arah pemilik bersih kawasan

SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) mengarahkan pemilik tanah melakukan pemutihan tapak selepas kawasan itu dijadikan tempat longgokan tong mengandungi bahan kimia.

Timbalan Pengarah Korporat MPSJ, Azfarizal Abdul Rashid berkata, Notis Kacau Ganggu (NKG) di bawah Seksyen 82, Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah dikeluarkan kepada pemilik tanah.

"Pemilik tanah perlu melupuskan sisa bahan kimia tersebut mengikut kaedah dan panduan ditetapkan oleh Jabatan Alam Sekitar Selangor (JAS).

"MPSJ akan terus melaku-

Pemilik tanah perlu lupuskan sisa bahan kimia ikut kaedah dan panduan ditetapkan oleh JAS. MPSJ akan terus melakukan pemantauan bagi memastikan arahan itu dipatuhi pemilik tanah tersebut." - Azfarizal

kukan pemantauan bagi memastikan arahan itu dipatuhi oleh pemilik tanah tersebut," katanya.

Ahad lalu Sinar Harian melaporkan lebih 100 tong yang disyaki mengandungi bahan kimia ditempatkan di satu kawasan tanah kosong di

Kampung Seri Aman.

JAS telah mengambil sampel kandungan pada tong itu untuk analisa dan siasatan awal mendapati bahan tersebut adalah pelekat lantai yang tidak digunakan ditinggalkan di lokasi tersebut kira-kira lima hingga enam bulan lalu.

JAS sedang mengenalpasti pemilik tanah dan pihak bertanggungjawab meninggalkan sisa berjadual tersebut yang berdepan tindakan di bawah Seksyen 34B(1)(a), Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 boleh dihukum penjara selama tempoh tidak melebihi lima tahun dan denda tidak melebihi RM500,000 jika disabitkan salah.



Muka hadapan Sinar Harian Ahad lalu.



Headline	Sebuah rumah tidak selamat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	23	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	390 cm ²
Journalist	AHMAD ISMADI ISMAIL	AdValue	RM 6,652
Frequency	Daily	PR Value	RM 19,956



Sebuah rumah tidak selamat

MPAJ akan nilai 17 rumah lain, minta pemilik buat pemantauan masing-masing

AHMAD ISMADI ISMAIL

AMPANG

Sebuah rumah di Kampung Tasik Permai telah diklasifikasikan tidak selamat, manakala status 17 rumah lagi masih dinilai agensi berkaitan.

Pengerusi Bencana daerah Hulu Langat, Datuk Rosli Othman berkata, pihaknya memohon kesemua pemilik terlibat turut memantau keadaan rumah masing-masing dalam tempoh 24 jam.

"Penduduk juga perlu buat penilaian sendiri, kenal

pasti tanda-tanda awal, jika ada kesan rekahan dan retakan segera maklumkan kepada Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk tindakan lanjut," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan taklimat kepada penduduk berhubung kejadian runtuhan dapur sebuah rumah di Kampung Tasik Permai, di sini semalam.

Hadir sama, Ahli Majlis MPAJ, Mohamad Samat; Penghulu Mukim Ampang, Rafizi Jamro; Ketua Unit Pengurusan Bencana negeri, Ahmad Fairuz Mohd Yusof dan Pengarah Kejuruteraan MPAJ, Ir Zafrul Fazry Mohd Fauzi.

Rosli berkata, MPAJ akan segera memberi maklum balas mengenai keselamatan struktur kesemua rumah itu setelah penilaian lanjut dilaksanakan.

"Sekiranya, penilaian lanjut mendapati kawasan tersebut tidak selamat, maka penduduk perlu tunggu



Keja pembersihan sedang giat dijalankan di lokasi kejadian.

arahan selanjutnya.

"Bagaimanapun jika sebaliknya, kita akan fikirkan kaedah terbaik, seperti tindakan pembaikan, namun ia adalah tindakan jangka panjang.

"Penduduk juga perlu beri kerjasama supaya kerja baik pulih lancar," katanya.

Sementara itu Zafrul Fazry berkata, pihaknya akan membantu Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat dan

Ahli Jawatankuasa Bencana menyelesaikan isu berkaitan keselamatan penduduk.

"Ia susulan hakisan 'monsoon drain' di bawah rizab Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), agensi berkenaan akan melaksanakan kerja pembaikan," katanya.

Beliau berkata, setakat ini agensi terlibat mengenal pasti hanya sebuah rumah daripada 18 rumah ada kesan retakan disebabkan binaan tidak sempurna dan tanpa kelulusan MPAJ.

"Rumah tersebut mengalami kerosakan dan perkara ini telah dimaklumkan kepada pemilik untuk mengosongkan rumah tersebut," katanya.

Menurutnya, MPAJ akan membantu membuat penilaian bagi 17 rumah lagi di sepanjang jajaran 'monsoon drain' tersebut.

"Kita mendapati dalam rekod MPAJ, rumah lot kampung di kawasan ini tiada permohonan secara formal pembangunan rumah, kita

info

Penduduk perlu buat penilaian sendiri, kenal pasti tanda-tanda rekahan dan retakan

akan buat pemantauan secara visual terhadap rumah tersebut untuk mengesan kerosakan," katanya.

Beliau berkata, taklimat itu adalah untuk kesedaran penduduk kerana sebuah rumah diarahkan kosong demi keselamatan penghuninya.

"Kita mohon penduduk segera memaklumkan kepada MPAJ sekiranya menemui tanda-tanda awal perubahan kepada struktur rumah masing-masing," katanya.

Selasa lalu, dapur sebuah rumah di Kampung Tasik Permai runtuh, manakala dua rumah berhampiran mengalami keretakan teruk akibat hakisan dan runtuhan tebing sungai.

Headline	MDKS tumpu sistem perparitan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,985
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,955



MDKS tumpu sistem perparitan

KUALA SELANGOR - "Notis dan kompaun sudah dikenakan kepada pemaju untuk isu banjir kilat di kawasan Puncak Alam sebelum tindakan lanjut dilaksanakan," demikian penjelasan Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor, Rahilah Rahmat.

Menurutnya, pihaknya sedia maklum dengan isu banjir kilat yang melanda kawasan Alam Jaya ke Puncak Bestari berikutan masalah sistem perparitan tidak sistematik dengan pelbagai projek pembangunan.

"Kawasan itu sedang membangun dengan pelbagai projek dan bagi pihak MDKS, kita sudah mengeluarkan notis dan kompaun supaya pihak pemaju mengambil berat isu perparitan bagi mengelakkan limpahan air ke kawasan jalan.

"Bagaimanapun isu masih berulang dan saya akan pastikan sistem perparitan lebih sistematik," katanya.



Rahilah menyampaikan cenderahati kepada Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari di Pekan Lama Kuala Selangor.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai isu banjir kilat di Jalan Persiaran Puncak Alam terbabit.

Mengulas lanjut mengenai pembangunan anjung utara, Rahilah berkata, fokus pembangunan kawasan luar bandar itu meliputi daerah Kuala Selangor sehingga ke Sabak Bernam.

"Kawasan ini kita 'cluster' sebagai pertanian dan agro

pelancongan. Saya difahamkan terdapat beberapa senarai kawasan yang berpotensi menjadi fokus pelancongan yang dicadangkan di daerah ini.

"Bagaimanapun kita tunggu dulu pengumuman Menteri Besar Selangor sempena bajet kerajaan negeri nanti untuk pembangunan anjung utara khususnya di Kuala Selangor," katanya.

Headline	MDKS tumpu sistem perparitan		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	175 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,985
Frequency	Daily	PR Value	RM 8,955



MDKS tumpu sistem perparitan

KUALA SELANGOR - "Notis dan kompaun sudah dikenakan kepada pemaju untuk isu banjir kilat di kawasan Puncak Alam sebelum tindakan lanjut dilaksanakan," demikian penjelasan Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Selangor, Rahilah Rahmat.

Menurutnya, pihaknya sedia maklum dengan isu banjir kilat yang melanda kawasan Alam Jaya ke Puncak Bestari berikutan masalah sistem perparitan tidak sistematik dengan pelbagai projek pembangunan.

"Kawasan itu sedang membangun dengan pelbagai projek dan bagi pihak MDKS, kita sudah mengeluarkan notis dan kompaun supaya pihak pemaju mengambil berat isu perparitan bagi mengelakkan limpahan air ke kawasan jalan.

"Bagaimanapun isu masih berulang dan saya akan pastikan sistem perparitan lebih sistematik," katanya.



Rahilah menyampaikan cenderahati kepada Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari di Pekan Lama Kuala Selangor.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai isu banjir kilat di Jalan Persiaran Puncak Alam terbabit.

Mengulas lanjut mengenai pembangunan anjung utara, Rahilah berkata, fokus pembangunan kawasan luar bandar itu meliputi daerah Kuala Selangor sehingga ke Sabak Bernam.

"Kawasan ini kita 'cluster' sebagai pertanian dan agro

pelancongan. Saya difahamkan terdapat beberapa senarai kawasan yang berpotensi menjadi fokus pelancongan yang dicadangkan di daerah ini.

"Bagaimanapun kita tunggu dulu pengumuman Menteri Besar Selangor sempena bajet kerajaan negeri nanti untuk pembangunan anjung utara khususnya di Kuala Selangor," katanya.

Headline	Isu banjir berlarutan?		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Selangor & KL	Circulation	160,000
Page No	24	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	436 cm ²
Journalist	ARZIANA MOHMAD AZAMAN	AdValue	RM 7,437
Frequency	Daily	PR Value	RM 22,311



Isu banjir berlarutan?

Penyelesaian menyeluruh sedang giat dilaksanakan

ARZIANA MOHMAD AZAMAN

KAMPUNG BUKIT HIJAU

Limpahan air parit di kawasan penempatan dan kebun penduduk yang berlarutan sehingga kini menimbulkan rungutan berikutan didakwa tiada penyelesaian konkrit diambil pihak berkaitan.

Dakwa penduduk, kegagalan pengurusan kampung menyelenggarakan parit sebu dan tersumbat menjadi punca aliran air parit perlahan untuk keluar ke laut, selain menyebabkan kawasan rendah ditakungi air.

Alasan ketiadaan ketua kampung sebelum ini disebabkan pelantikan baharu juga menjadi isu berbangkit dikemukakan penduduk sehingga mengakibatkan isu



Pemasangan 'flap gate' menjadi penyelesaian jangka pendek untuk mengurangkan aliran air sungai masuk ke dalam kampung.

banjir terus berpanjangan.

Mengulas mengenainya, Pegawai Khas Adun Jeram, Azrin Adnan menjelaskan, limpahan air luar biasa disebabkan aliran dari daerah Sungai Buloh masuk ke dalam kawasan kampung.

"Parit di dalam kampung ini menjadi laluan air terus ke laut dan ditambah hujan lebat menyebabkan limpahan berlaku di kawasan rendah. Sekarang ini juga air laut tengah tinggi menyebabkan aliran air perlahan.

"Penduduk ada bangkitkan isu parit kena selenggara segera tetapi, sekarang ini air tinggi tidak boleh nak korek parit...kena tunggu surut barulah boleh jalankan kerja pengorekan parit," katanya.

Bagi penyelesaian jangka pendek katanya, pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Daerah Kuala Selangor memasang 'flap gate' di kawasan parit di Jalan Bahagia, Kampung Bukit Hijau.

"Pemasangan 'flap gate' ini untuk bantu kawal dan

kurangkan limpahan air dari sungai berhampiran. Selain itu, JPS juga ada perancangan selenggara Sungai Buloh.

"Difahamkan, Sungai Buloh itu sudah lama tidak diselenggarakan dan kolam tadahan air juga akan dibuat bagi membantu mengurangkan isu limpahan air ini pada masa akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Sesi Dialog Isu Banjir melibatkan wakil JPS, wakil Pejabat Adun Jeram, Penghulu Mukim Jeram, Jumarsi



JPS akan meminta kerajaan negeri dan pusat mengutamakan Kuala Selangor untuk kerja penyelenggaraan.

Jumain dan penduduk setempat di Balairaya JKKK Bukit Hijau.

Hasil perbincangan dan sesi dialog bersama penduduk memutuskan, kerja penyelenggaraan parit di lima kampung akan dilaksanakan selain pemantauan penutupan saluran air di kawasan estet.

Jelas Azrin, JPS akan meminta kerajaan negeri dan pusat mengutamakan Kuala Selangor untuk kerja penyelenggaraan kerana menjadi

antara kawasan terjejas akibat banjir.

"Sebenarnya, pihak Adun minta adakan perbincangan dengan agensi kerajaan dan penduduk supaya mereka faham isu sebenar dan beri cadangan penambahbaikan bagi menyelesaikan isu ini.

"Sekarang ini, penjelasan sudah dibuat dan kita tunggu pelaksanaan kerja agensi kerajaan di kawasan yang dibincangkan supaya isu banjir di kampung ini dapat diselesaikan dengan baik," katanya.

Headline	'Saya bukan nak jawatan, tapi...'		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	160,000
Page No	54,56	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	533 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,092
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,275



Saya bukan penderhaka: Nasir

"SAYA sebenarnya tidak pernah menderhaka kepada Raja Muda Selangor atau sesiapa"

Itu pendirian Datuk Muhammad Nasir Hamzah, salah seorang individu yang dikaitkan dalam 'Geng 52' yang cuba merombak Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS).

Muhammad Nasir yang ditemui di perlawanan akhir Kejohanan Piala DYT Raja Muda Selangor

semalam tampil menjelaskan beliau tiada niat untuk menderhaka atau menentang sesiapa sebaliknya beliau hanya cuba membantu dalam memberi pandangan dan nasihat berkenaan bola sepak.

Muhammad Nasir (kiri) bersama Tengku Amir di perlawanan akhir Kejohanan Piala DYT Raja Muda Selangor semalam



54

'Saya bukan nak jawatan, tapi...'

"SAYA sebenarnya tidak pernah menderhaka kepada Raja Muda Selangor atau sesiapa"

Itu pendirian Datuk Muhammad Nasir Hamzah, salah seorang individu yang dikaitkan dalam 'Geng 52' yang cuba merombak semula Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS).

Muhammad Nasir yang ditemui di perlawanan akhir Kejohanan Piala DYT Raja Muda Selangor semalam tampil menjelaskan beliau tiada niat untuk menderhaka atau menentang sesiapa sebaliknya beliau hanya cuba membantu dalam memberi pandangan dan nasihat berkenaan bola sepak.

"Bukan saya mahu sangat jawatan, tetapi kebetulan 'kumpulan' itu menjemput saya untuk memberi nasihat dan membantu kembalikan zaman kegemilangan Selangor. Sebagai ahli gabungan, saya rasa mereka memang berhak untuk itu (EGM), tetapi jika tanya dari segi teknikal sama ada cukup 'chorum' atau tidak itu lebih baik kita serah kepada Pesuruhjaya Sukan.

"Saya sendiri tak tahu sama ada saya berhak atau tidak jadi timbalan presiden, tetapi seperti saya kata tadi kita serahkan kepada pihak yang layak. Bagi saya jelas, jika Pesuruhjaya Sukan beri keputusan yang tidak



MUHAMMAD NASIR

memihak kumpulan ini, saya dan mereka dengan rela hati akan undur diri.

"Kita harus jadi gentleman, dan perlu menghormati rule of law. Itu sahaja. Saya berpegang bahawa tidak ada isu yang tak kena di situ, tak kena di sini dan saya juga tidak menentang sesiapa dalam hal ini," katanya.

Mengulas sama ada beliau cuba diperalatkan kumpulan yang dikatakan cuba memporak-perandakan FAS itu, Muhammad Nasir mengambil pendekatan berada di tengah-tengah.

"Kalau nak kata diperalatkan pun susah, nak kata tidak diperalatkan pun susah juga. Jadi bagi saya, kita biarlah perkara ini berlalu dan berlaku begitu sahaja," katanya.

Dalam pada itu, Muhammad Nasir yang juga merupakan bekas Naib Presiden Persatuan Bola Sepak Kelantan (Kafa) berkata, beliau sempat berbicara dengan Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah Sultan Sharafuddin Idris Shah dan memuji sikap baginda yang tidak membuatkan beliau rasa terasing meski pun terpalit dengan kemelut tersebut.

"Tengku Amir seorang insan yang berbudi bahasa tinggi, dia tidak langsung menunjukkan reaksi marah. Saya betul-betul hormat dengannya dan sempat memberitahu jika ada yang boleh saya bantu untuk membina semula saya boleh bantu. Tidak kisahlah ada jawatan atau tidak, saya sedia membantu," katanya lagi.

Headline	`Saya bukan nak jawatan, tapi...`		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	16 Nov 2018	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	160,000
Page No	54,56	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	533 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,092
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,275

FOTO: ASRIL ASWANDI SHUKOR



Muhammad Nasir (lima, kanan) bersama Tengku Amir Shah (tengah) di perlawanan akhir Piala DYTMRaja Muda Selangor di Padang SUK Shah Alam, semalam.